2010

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

95 Perkembangan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
100 Pengawasan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
105 Perpindahan Sektor kepada Pembayaran Elektronik
106 Integrasi Sistem Pembayaran Serantau

Pengawasan terhadap sistem pembayaran dan penyelesaian oleh Bank Negara Malaysia terus tertumpu pada pengurangan risiko sistemik, menggalakkan infrastruktur pembayaran dan penyelesaian yang cekap bagi memenuhi keperluan pembayaran dalam negeri dan merentas sempadan selain meningkatkan kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan pembayaran. Dengan tujuan meningkatkan lagi penggunaan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran), Bank memperhebat usahanya untuk mencapai kadar penggunaan pembayaran secara elektronik yang lebih tinggi dalam sektor sasaran termasuk mengambil inisiatif untuk menyediakan akses yang lebih luas dan mudah kepada sistem pembayaran dan perkhidmatan pembayaran. Sistem pembayaran utama di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2010 lantas memastikan penyelesaian dibuat tepat pada masanya bagi kedua-dua urus niaga bernilai tinggi yang penting dari segi sistemik (memandangkan ia boleh mengakibatkan risiko sistemik) dan urus niaga runcit.

Sistem pembayaran utama di Malaysia terus berdaya tahan dan beroperasi tanpa sebarang gangguan besar sepanjang tahun 2010 lantas memastikan penyelesaian dibuat tepat pada masanya bagi kedua-dua urus niaga bernilai tinggi yang penting dari segi sistemik dan urus niaga runcit

PERKEMBANGAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

RENTAS

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) yang menyediakan penyelesaian kasar masa nyata (real-time gross settlement, RTGS) bagi pemindahan antara ahli untuk pembayaran bernilai tinggi dan penyelesaian sekuriti melalui Penyerahan semasa Pembayaran (Delivery vs Payment, DvP) kini dikendalikan oleh subsidiari pembayaran milik penuh Bank, iaitu Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear). RENTAS terus mencatat peningkatan dalam nilai urus niaga purata harian yang diselesaikan pada tahun 2010, terutamanya yang melibatkan penyelesaian pertukaran asing, sekali gus mencerminkan peningkatan dalam urus niaga sektor perniagaan dan kewangan sejajar dengan keyakinan yang meningkat terhadap ekonomi global. Nilai urus niaga pertukaran asing yang diselesaikan melalui pautan Pembayaran semasa Pembayaran (Payment vs Payment, PvP) antara RENTAS dengan USD Clearing House Automated Transfer System (USD CHATS) di Hong Kong SAR mencatat peningkatan ketara sebanyak 41.3%. Jumlah nilai urus niaga yang diselesaikan melalui RENTAS adalah sebanyak 51.5 kali Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia manakala pusing ganti purata harian RENTAS tumbuh pada kadar tahunan purata 18.9% sejak lima tahun yang lalu.

Memodenkan RENTAS

Selain memudahkan pelaksanaan dasar monetari yang berkesan, RENTAS turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan sistem

Rajah 4.1

Purata Harian Urus Niaga RENTAS Mengikut Nilai dan Bilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan dan ekonomi secara keseluruhan. Pelaksanaan dan penerimaan urus niaga pembayaran yang mudah lagi pantas melalui RENTAS mempunyai kesan langsung terhadap kecekapan operasi institusi kewangan, syarikat dan perniagaan. Berdasarkan aliran pembayaran yang besar melalui sistem tersebut dan sejajar dengan sektor kewangan Malaysia yang berkembang dan bersepadu dengan pasaran serantau dan global, kecekapan fungsi RENTAS dan keupayaannya untuk memenuhi keperluan pembayaran merentas sempadan diberikan tumpuan yang lebih tinggi oleh Bank pada tahun 2010.

Berdasarkan aliran pembayaran yang besar melalui sistem tersebut dan sejajar dengan sektor kewangan Malaysia yang berkembang dan bersepadu dengan pasaran serantau dan global, kecekapan fungsi RENTAS dan keupayaannya untuk memenuhi keperluan pembayaran merentas sempadan diberikan tumpuan yang lebih tinggi oleh Bank pada tahun 2010

Pada April 2010, Bank mengumumkan penyertaannya dalam pelaksanaan program perintis sebuah platform umum bagi infrastruktur pemprosesan pasca dagangan Asia. Ini merupakan satu inisiatif kerjasama dalam kalangan beberapa bank pusat dan depositori sekuriti pusat di rantau ini bersama-sama dengan Euroclear, iaitu Depositori Sekuriti Pusat Antarabangsa (International Central Securities Depository, ICSD), di bawah Kerjasama Depositori Sekuriti Pusat Pan-Asia (Pan-Asian Central Securities Depository Alliance, the Alliance). The Alliance merupakan pasukan petugas serantau yang dibentuk untuk memudahkan pembangunan pasaran bon Asia dengan menggalakkan penyelesaian dan proses pasca dagangan yang cekap dan berkesan dari segi kos untuk pasaran modal Asia. Inisiatif ini akan mewujudkan pautan antara RENTAS dengan Euroclear dan dengan itu membolehkan MyClear menyediakan perkhidmatan kustodian bagi sekuriti dalam sebarang denominasi mata wang. Di samping itu, pautan ini akan menyediakan akses yang lancar kepada sekuriti dan sukuk yang diterbitkan dan didepositkan di Malaysia oleh pelabur antarabangsa. Program perintis ini yang dirancang untuk dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2011 akan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai depositori sekuriti terbesar bagi instrumen sukuk di dunia. Untuk memperlengkap langkah ini, RENTAS akan dipertingkat untuk membolehkan penyelesaian dalam pelbagai mata wang.

Pembangunan juga sedang dilaksanakan untuk mempertingkat RENTAS bagi menerima pakai piawaian pesanan antarabangsa, iaitu piawaian Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Sedunia (Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication, SWIFT). Penggunaan piawaian pesanan SWIFT akan membolehkan bank dan syarikat Malaysia untuk menyelaraskan operasi perbendaharaan dalam negeri dan antarabangsa untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kos infrastruktur pembayaran. Memandangkan inisiatif ini adalah kompleks, pelaksanaan piawaian pesanan SWIFT akan dilaksanakan secara berperingkat untuk mengurangkan risiko operasi. Inisiatif ini disasarkan disempurnakan pada tahun 2014.

Sistem pembayaran runcit

Sistem pembayaran runcit meliputi sistem yang memproses pembayaran bernilai lebih kecil seperti cek, pemindahan dana elektronik, iaitu pemindahan debit dan kredit, dan urus niaga Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (Electronic Funds Transfer at Point of Sale, EFTPOS) (lihat jadual 4.1 untuk ringkasan sistem pembayaran runcit yang beroperasi di Malaysia). Meskipun wang tunai masih merupakan kaedah pembayaran yang utama, pembayaran bukan tunai yang dibuat melalui pelbagai sistem pembayaran runcit telah meningkat dengan ketara. Ini mencerminkan peralihan positif dalam kecenderungan pengguna terhadap kaedah pembayaran yang didorong terutamanya oleh faktor seperti kemudahan, kepantasan pemprosesan pembayaran, kebolehpercayaan dan keselamatan kaedah pembayaran serta fi yang dikenakan oleh institusi kewangan yang menyediakan perkhidmatan pembayaran.

Jadual 4.1

Sistem Pembayaran Runcit Utama di Malaysia

Sistem	Keterangan	Pengendali
Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan secara Elektronik (eSPICK)	Sebuah sistem penjelasan cek berasaskan imej dengan imej cek dan baris kod pengecaman aksara dakwat magnet (magnetic ink character recognition, MICR) dirakam dan disalurkan secara elektronik bagi tujuan penjelasan.	MyClear
Sistem GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG)	Sebuah sistem pemindahan dana antara bank yang membenarkan pembayaran dibuat sehingga RM500,000 bagi setiap urus niaga.	Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS)
Rangkaian Perkongsian ATM (Shared ATM Network, SAN)	Sebuah rangkaian pensuisan yang membolehkan pelanggan mendapat akses kepada dana mereka daripada mana-mana mesin teler automatik (ATM) yang dimiliki oleh institusi perbankan peserta. Terdapat dua buah rangkaian ATM setakat ini, iaitu SAN MEPS dan HOUSe. MEPS dimiliki oleh kesemua institusi perbankan perdagangan domestik, dua buah institusi perbankan Islam dan sebuah institusi kewangan pembangunan, manakala HOUSe pula dimiliki oleh empat institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia.	MEPS dan HOUSe
Sistem e-Debit	Sebuah rangkaian pensuisan yang membenarkan kad ATM institusi perbankan peserta digunakan bagi urus niaga pembayaran di terminal jualan (point-of-sale) peniaga runcit yang menyertainya.	MEPS
Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX)	Sebuah sistem pembayaran pelbagai institusi perbankan berasaskan Internet yang memudahkan pelanggan membuat pembayaran elektronik dagang (e-dagang) secara dalam talian. Sistem ini memanfaatkan perkhidmatan perbankan Internet institusi perbankan bagi menyediakan sistem pembayaran dalam talian.	MEPS
Sistem Debit Terus MEPS (MEPS Direct Debit)	Sebuah perkhidmatan kutipan pembayaran antara bank untuk pembayaran kerap dan berulang yang boleh dibuat secara terus daripada akaun bank pelanggan di pelbagai institusi perbankan melalui kebenaran tunggal (single authorisation).	MEPS

Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend pembayaran runcit

Secara purata, 44 urus niaga e-pembayaran per kapita dibuat pada tahun 2010 berbanding dengan 29 urus niaga pada tahun 2006. Pertambahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penggunaan kad kredit, wang elektronik dan perbankan Internet, manakala penggunaan ATM (tidak termasuk pengeluaran tunai), kad debit dan IBG semakin diterima secara lebih meluas.

Wang tunai dan cek

Nisbah wang tunai dalam edaran (cash in circulation, CIC) kepada KDNK berkurangan sedikit kepada 6.2% pada tahun 2010 berbanding dengan 6.4% pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, wang tunai masih merupakan kaedah pembayaran penting khususnya untuk pembayaran bernilai kecil. Nilai purata pengeluaran tunai melalui ATM lebih tinggi, meningkat daripada RM470 pada tahun 2009 kepada RM492 pada tahun 2010, manakala jumlah nilai pengeluaran tunai bertambah sebanyak 8.1%, lebih pantas berbanding dengan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan sebanyak 7%. Perbankan Internet dan ATM memainkan peranan yang semakin penting hingga sebahagiannya telah mengambil alih penggunaan cek. Bahagian penggunaan cek daripada jumlah pembayaran runcit bukan tunai telah merosot dari segi jumlah dan nilai. Sektor syarikat mengeluarkan 40.3% daripada jumlah cek, diikuti oleh individu sebanyak 20.2% dan pemilik tunggal sebanyak 17.4%. Hampir 90% cek adalah untuk pembayaran yang bernilai RM10,000 dan ke bawah. Meskipun cek masih merupakan kaedah pembayaran yang mudah dan fleksibel, langkah untuk mengurangkan ketidakcekapan yang terdapat dalam sistem pembayaran berkemungkinan menyebabkan pelarasan menaik terhadap penentuan harga cek bagi mencerminkan kos memproses cek yang tinggi, yang buat masa ini ditanggung oleh institusi kewangan.

Rajah 4.2

Bahagian Pembayaran Runcit Bukan Tunai Mengikut Jumlah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kad pembayaran dan wang elektronik

Peningkatan penggunaan perbankan Internet dan ATM juga telah menyebabkan pengurangan dalam penggunaan kad pembayaran. Bahagian kad pembayaran daripada jumlah keseluruhan pembayaran runcit bukan tunai menurun daripada 74.6% pada tahun 2006 kepada 70.8% pada tahun 2010. Dalam pasaran kad pembayaran, wang elektronik masih dominan dan mencakupi 68.7% daripada jumlah bilangan urus niaga kad pembayaran pada tahun 2010. Sebahagian besar urus niaga wang elektronik bernilai RM2.7 bilion pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh pembayaran dalam sektor pengangkutan yang menggunakan kad Touch 'n Go. Urus niaga kad kredit terus berkembang meskipun bilangan kad kredit dalam edaran menurun sebanyak 21% pada tahun 2010, disebabkan terutamanya oleh cukai perkhidmatan Kerajaan yang dikenakan sejak 1 Januari 2010. Meskipun bilangan dan nilai pembelian kad debit masih jauh lebih rendah berbanding dengan kad kredit, penggunaan kad debit dari tahun 2006 hingga 2010 telah meningkat lebih empat kali ganda, mencerminkan kecenderungan pengguna untuk menggunakan kaedah `bayar sekarang´. Aktiviti kesedaran dan promosi yang dianjurkan oleh pengeluar kad debit seperti program ganjaran, rebat tunai dan diskaun juga telah menyumbang kepada penggunaan kad debit yang lebih tinggi.

Saluran elektronik dan sistem pemindahan dana elektronik lain

Perbankan Internet terus mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2010 mencakupi 8.4% daripada jumlah bilangan pembayaran runcit bukan tunai berbanding dengan 2.9% pada tahun 2006. Urus niaga perbankan Internet berkembang sebanyak 34.8%, dengan nilai urus niaga berjumlah RM1 trilion pada tahun 2010 berbanding dengan RM699.9 bilion pada tahun 2009. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam pembayaran gaji dan pemindahan dana oleh syarikat selain faktor bertambahnya bilangan pelanggan Internet daripada 8.1 juta pada akhir tahun 2009 kepada 9.8 juta pada akhir tahun 2010.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1980an, ATM telah mencatat banyak kemajuan. Bermula dengan fungsi untuk memudahkan pengeluaran wang tunai dan pertanyaan baki, fungsi ATM seterusnya berkembang kepada penyediaan satu rangkaian perkhidmatan pembayaran yang menjadikannya saluran pembayaran yang semakin popular di negara ini. Jumlah dan nilai urus niaga bukan tunai melalui ATM masing-masing meningkat kepada 38.8 juta dan RM31.3 bilion berbanding sebanyak 1.8 juta dan RM2.1 bilion sahaja pada tahun 2006. Sehubungan dengan penerimaan meluas ATM sebagai titik akses e-pembayaran yang mudah, SAN dalam negeri yang dikendalikan oleh MEPS, telah dipertingkat untuk memudahkan pembayaran balik kad kredit

dan pinjaman antara bank, selain pembayaran bil utiliti sejak tahun 2009. Kemudahan tersebut kini terdapat di lebih 2,000 ATM bank-bank peserta di seluruh negara.

Urus niaga perbankan dan pembayaran mudah alih kekal rendah. Bilangan pelanggan perbankan mudah alih mencatat pertambahan sebanyak 35% pada tahun 2010, namun urus niaga perbankan mudah alih menurun dari segi jumlah dan juga nilai. Perbankan mudah alih digunakan terutamanya untuk pembayaran bernilai kecil seperti tambah nilai prabayar telefon mudah alih dan pemindahan dana, sementara syarikat pula menggunakan perkhidmatan ini untuk membuat pembayaran kepada pembekal. Sebanyak 4.9 juta urus niaga pembayaran mudah alih bernilai RM529.6 juta dicatat pada tahun 2010. Meskipun perkembangan tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 35.6% dari segi jumlah urus niaga, akan tetapi ia merupakan peningkatan empat kali ganda dalam nilai urus niaga yang disumbangkan terutamanya oleh bilangan urus niaga kiriman wang mudah alih yang tinggi, yang mencakupi 70% daripada jumlah nilai urus niaga. Untuk memacu pembangunan perbankan dan pembayaran mudah alih di negara ini, inisiatif peringkat industri untuk membina ekosistem perbankan dan pembayaran mudah alih telah dilancarkan pada April 2010.

Urus niaga pembayaran mudah alih yang menggunakan teknologi *Near Field Communication* (NFC) telah diperkenalkan untuk penggunaan secara komersial pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi ini masih lagi pada peringkat awal dan banyak bergantung pada ketersediaan infrastruktur peniaga tanpa sentuhan (contactless merchant) dan bilangan peranti mudah alih dengan keupayaan NFC (NFC-enabled mobile devices) di pasaran.

Meningkatkan kecekapan pembayaran runcit

Dalam usaha untuk melaksanakan mandat Bank bagi menggalakkan kecekapan sistem pembayaran negara, Bank terus giat berusaha bersama-sama dengan industri perbankan dan pihak berkepentingan lain yang berkenaan untuk memantapkan infrastruktur pembayaran supaya dapat menyediakan perkhidmatan pembayaran yang lebih pantas serta akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan pembayaran. Selain membantu pihak berkepentingan utama menangani halangan yang dihadapi semasa peralihan daripada pembayaran berasaskan kertas kepada e-pembayaran, Bank juga berusaha bersama-sama dengan MEPS dan industri perbankan untuk meningkatkan kecekapan pembayaran melalui sistem IBG dan FPX, selain memperkenalkan khidmat pembayaran baharu yang menawarkan akses yang lebih baik kepada pelanggan, kos akses yang lebih rendah dan kemudahan pembayaran pengguna yang lebih baik. Kesemua usaha ini yang bertujuan untuk memajukan agenda e-pembayaran pada peringkat kebangsaan adalah penting untuk merangsang produktiviti dan meningkatkan daya saing Malaysia.

Sistem IBG dan FPX

Bagi menggalakkan penggunaan sistem IBG dan FPX yang lebih meluas sebagai alternatif kepada cek, sistem IBG telah dipertingkat untuk menerima pembayaran bernilai sehingga RM500,000 berkuat kuasa pada 22 November 2010. Hal ini mengambil kira profil cek semasa yang menunjukkan bahawa lebih separuh daripada jumlah nilai cek yang dikeluarkan setiap tahun adalah bagi nilai melebihi RM100,000. Walau bagaimanapun, bank boleh menetapkan had yang lebih rendah bagi pemindahan IBG yang dibuat melalui saluran dalam talian seperti perbankan Internet untuk mengurangkan risiko berkaitan dengan penggunaan saluran sedemikian. Menyedari bahawa ketersediaan dana juga merupakan pertimbangan penting dalam pilihan kaedah pembayaran, sistem IBG telah dipertingkat untuk memastikan dana boleh diterima dengan lebih pantas. Pengguna kini boleh menikmati kemudahan penerimaan dana pada hari yang sama jika urus niaga dibuat sebelum jam 10 pagi. Di samping itu, bilangan hari yang diambil untuk memaklumkan urus niaga yang tidak berjaya kepada pengguna IBG telah dikurangkan. Kerja penambahbaikan proses bagi sistem FPX juga sedang dilaksanakan untuk membolehkan bank menawarkan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Ini termasuk pembangunan sistem pengurusan dokumen penentusahan debit secara terus berasaskan laman sesawang berpusat untuk mengautomasikan proses yang dilaksanakan oleh bank bagi mengesahkan dan membenarkan permohonan debit terus daripada pelanggan.

Penubuhan platform ekosistem mudah alih kebangsaan

Jumlah penduduk Malaysia yang banyak menggunakan perkhidmatan perbankan (highly-banked population) dan terdapatnya 32 juta langganan telefon mudah alih menawarkan peluang dan manfaat yang amat besar kepada institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan mudah alih lain untuk menggunakan telefon mudah alih sebagai saluran untuk menawarkan produk dan perkhidmatan baharu serta menjangkau segmen pelanggan yang lebih luas dalam cara yang lebih cekap kos. Satu langkah ke hadapan yang signifikan bagi perbankan dan pembayaran mudah alih di Malaysia telah diambil dengan penubuhan satu kumpulan kerja pada awal tahun 2010 yang dipengerusikan oleh Bank, dan merangkumi perwakilan daripada pihak berkepentingan utama iaitu Kementerian Kewangan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, MEPS, pengendali rangkaian mudah alih dan bank untuk mewujudkan ekosistem yang menawarkan pengalaman yang menarik kepada pengguna dan peniaga selain kecekapan dari segi kos kepada industri.

Satu langkah ke hadapan yang signifikan bagi perbankan dan pembayaran mudah alih di Malaysia telah diambil dengan penubuhan satu kumpulan kerja pada awal tahun 2010 untuk mewujudkan ekosistem yang menawarkan pengalaman yang menarik kepada pengguna dan peniaga selain kecekapan dari segi kos kepada industri

Kumpulan kerja tersebut telah mencapai persetujuan berhubung dengan platform perkongsian bersepadu yang akan dikendalikan dan diselenggarakan oleh MEPS berdasarkan piawaian aplikasi perbankan mudah alih dan piawaian keselamatan umum yang akan mula dilancarkan pada separuh pertama tahun 2011. Platform tersebut akan membolehkan peniaga dan penyedia perkhidmatan untuk memanfaatkan infrastruktur neutral pelbagai bank dan rangkaian mudah alih untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada segmen pelanggan yang lebih besar. Sementara itu, pengguna dapat melaksanakan satu rangkaian penuh urus niaga pembayaran kepada Kerajaan, penyedia perkhidmatan utiliti dan lain-lain, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan menggunakan telefon mudah alih mereka. Ini merupakan transformasi yang besar daripada pengaturan proprietari sedia ada yang kurang memberikan pelanggan bank fleksibiliti untuk memilih pengendali mudah alih yang diinginginya.

Ekosistem ini akan memberikan bank pilihan sama ada untuk mengekalkan infrastruktur perbankan dan pembayaran mudah alih sedia ada dan melengkapkannya dengan platform ekosistem mudah alih baharu yang menawarkan akses rangkaian lebih luas, ataupun berpindah ke platform ekosistem mudah alih yang baharu dan terbuka. Bank yang belum lagi menawarkan perkhidmatan perbankan dan pembayaran mudah alih juga dapat meraih manfaat daripada peluang untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan pada kos pelaburan yang lebih rendah dan masa yang lebih pantas untuk pasaran. Walau bagaimanapun, manfaat daripada ekosistem perbankan dan pembayaran mudah alih umum akan hanya menjadi kenyataan sekiranya mendapat sokongan yang meluas daripada bank, syarikat telekomunikasi, agensi Kerajaan dan penyedia perkhidmatan lain untuk mencapai jumlah pengguna yang cukup besar. Oleh itu, satu keutamaan dalam melangkah ke hadapan adalah untuk mewujudkan strategi yang koheren untuk menimbulkan kesedaran, khususnya dalam kalangan peniaga dan pengguna perkhidmatan pembayaran, tentang peluang dan manfaat yang disediakan oleh ekosistem ini. Semua pihak berkepentingan mempunyai peranan yang penting dan juga kepentingan yang sama dalam menjayakan inisiatif ini memandangkan manfaat sosial yang cukup besar yang akan dapat dijana daripada inisiatif ini.

PENGAWASAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Sistem RENTAS dan eSPICK merupakan sistem pembayaran yang ditetapkan (designated payment system) di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003, sebagai mencerminkan penggunaannya yang meluas dan kepentingannya terhadap kestabilan kewangan dan kelancaran fungsi

Rajah 4.3

Penggunaan Kredit Intrahari



Sumber: Bank Negara Malaysia

ekonomi. Sehubungan dengan itu, aktiviti pengawasan yang dijalankan oleh Bank tertumpu pada MyClear, pengendali kedua-dua sistem tersebut, dan pematuhannya terhadap matlamat penyeliaan yang dikeluarkan oleh Bank. Dalam menilai prestasi dan daya tahan sistem pembayaran yang ditetapkan itu, Bank berpandukan pada piawaian antarabangsa bagi sistem pembayaran, khususnya Prinsip-prinsip Teras bagi Sistem-sistem Pembayaran Yang Penting Dari Segi Sistemik (Core Principles for Systemically Important Payment Systems, CPSIPS) dan Cadangan bagi Sistem Penyelesaian Sekuriti yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Committee on Payment and Settlement Systems, CPSS) dan Jawatankuasa Teknikal Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (International Organisation of Securities Commissions, CPSS-IOSCO). Pematuhan terhadap kesemua piawaian tersebut terkandung dalam matlamat penyeliaan yang dikeluarkan oleh Bank. Sejajar dengan matlamat penyeliaan Bank tersebut, MyClear memperkukuh lagi pengaturan operasi dan amalan pengurusan risikonya pada tahun 2010 untuk memastikan supaya sistem RENTAS dan eSPICK kekal teguh. Ini termasuk mengkaji semula peraturan penyertaan dan operasi serta pengaturan kesinambungan perniagaan bagi memastikan ia adalah komprehensif, relevan dan telus untuk memberikan kefahaman yang jelas tentang risiko yang ada kepada para peserta sepanjang tahun 2010. RENTAS dan eSPICK tidak mengalami gangguan besar sepanjang tahun 2010 dan kedua-dua sistem tersebut telah beroperasi dengan lancar, sekali gus mencapai tahap 99.9% ketersediaan.

Risiko mudah tunai

Meskipun penyelesaian kasar dalam RENTAS menghindarkan risiko kredit dan risiko penyelesaian yang wujud dalam sistem penyelesaian bersih tertangguh, namun peserta RENTAS perlu mempunyai mudah tunai dan menanggung kos yang lebih tinggi. Kegagalan peserta untuk menguruskan mudah tunai intrahari (intraday) secara berkesan boleh menyebabkan peserta berkenaan gagal untuk memenuhi obligasi pembayarannya dalam tempoh masa yang dikehendaki. Berikutan itu, bukan sahaja kedudukan mudah tunainya akan terjejas malah kedudukan mudah tunai peserta lain juga terlibat sama. Krisis kewangan global baru-baru ini yang tercetus pada tahun 2008 telah menunjukkan betapa pantasnya mudah tunai antara bank boleh kehabisan. Ini menekankan betapa pentingnya pengurusan risiko mudah tunai yang berkesan pada peringkat sistem dan juga peringkat peserta individu, memandangkan tindak balas sistemik yang boleh berbangkit daripada kekurangan mudah tunai di sesebuah institusi.

Dalam usaha meminimumkan dengan berkesan kebuntuan pembayaran (gridlock) yang mungkin berlaku ekoran kekangan mudah tunai intrahari, Bank menyediakan kemudahan kredit intrahari tanpa faedah dan bercagar kepada peserta yang layak dalam usaha memastikan sistem mempunyai mudah tunai yang mencukupi sepanjang hari. Meskipun urus niaga RENTAS meningkat pada tahun 2010, permintaan terhadap mudah tunai intrahari adalah kecil berikutan terdapat mudah tunai yang lebih daripada mencukupi di pasaran. Selain kemudahan kredit intrahari yang disediakan oleh Bank, setiap peserta diperlukan untuk menguruskan secara aktif kedudukan mudah tunai intrahari masing-masing untuk memenuhi obligasi pembayaran dan penyelesaian yang tepat pada waktunya.

Ekoran krisis kewangan global, panduan tambahan mengenai pengurusan mudah tunai intrahari kini sedang dirumuskan di bawah rangka kerja mudah tunai Bank untuk institusi perbankan selaras dengan Prinsip-prinsip Pengurusan dan Pengawasan Risiko Mudah Tunai Yang Kukuh (Principles for Sound Liquidity Risk Management and Supervision) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision) pada September 2008.

Mencerminkan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi di pasaran, corak pembayaran dan penyelesaian terus stabil sepanjang tahun 2010. Secara purata, peserta RENTAS menyelesaikan 50% daripada nilai pembayaran sebelum 12 tengah hari, dan sebelum pukul 3 petang sebanyak 70% telah diselesaikan sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa. Pemantauan terhadap tingkah laku peserta RENTAS oleh Bank dan MyClear juga tidak menunjukkan sebarang tekanan mudah tunai dalam sistem.

Mencerminkan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi di pasaran, corak pembayaran dan penyelesaian terus stabil sepanjang tahun 2010

Risiko operasi dan kesinambungan perniagaan

MyClear terus memberikan keutamaan yang tinggi dalam memastikan kesinambungan perniagaan dan ketersediaan sistem RENTAS dan eSPICK tidak akan mengalami sebarang gangguan. Ujian pemulihan bencana secara langsung yang dijalankan setiap bulan, selain ujian pemulihan bencana lanjutan yang dijalankan secara tetap pada tahun 2010 mengesahkan keupayaan dan kebolehpercayaan operasi pengaturan kontingensi bagi memastikan bahawa operasi dapat berjalan untuk tempoh yang lama tanpa sebarang masalah besar. MyClear juga mengambil langkah-langkah untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesediaan operasi pengaturan kesinambungan perniagaan peserta. Pada Julai 2010, MyClear berjaya menyelaraskan ujian Pemulihan Bencana secara langsung di seluruh industri. Dalam ujian tersebut, semua peserta RENTAS dan eSPICK dikehendaki beroperasi dari pusat Pemulihan Bencana (Disaster Recovery, DR) masing-masing dan berhubung dengan sistem hos RENTAS dan eSPICK di pusat DR. MyClear turut menyediakan kemudahan sokongan peringkat kedua yang boleh digunakan oleh peserta sekiranya pusat pengeluaran dan pusat DR ahli RENTAS tidak dapat berfungsi. Pada tahun 2010, kemudahan sokongan tersebut telah digunakan dua kali untuk membolehkan pembayaran dan penyelesaian oleh peserta yang terjejas ekoran kerosakan sistem dan terputusnya bekalan elektrik.

Keyakinan awam terhadap pembayaran runcit

Peranan Bank dalam menggalakkan pembayaran yang selamat dan mantap dalam bidang pembayaran runcit kini menjadi semakin mencabar memandangkan landskap pembayaran runcit yang berubah-ubah dan kemajuan teknologi yang amat pesat. Bank menerima pakai pendekatan pengawalseliaan seimbang yang menggalakkan kecekapan, inovasi dan persaingan sistem pembayaran sambil pada masa yang sama memastikan keselamatan sistem pembayaran. Ini dicapai melalui kerjasama erat yang dijalin dengan peserta industri dan pihak berkuasa berkenaan untuk menangani risiko yang timbul dalam pembayaran runcit demi matlamat utama untuk mengekalkan keyakinan orang ramai dalam penggunaan sistem pembayaran runcit.

Pada tahun 2010, aktiviti pengawasan Bank terhadap bidang pembayaran runcit tertumpu pada sistem pembayaran runcit yang dikendalikan oleh MEPS dan Touch 'n Go Sdn. Bhd. (TnG). Sistem MEPS, yang terdiri daripada SAN, kad debit berasaskan PIN atau e-Debit, IBG, FPX dan Debit Terus memproses kira-kira 251.2 juta urus niaga berjumlah RM193.8 bilion pada tahun 2010. TnG memproses lebih 684.6 juta urus niaga berjumlah RM2 bilion, masing-masing mencakupi 97.9% dan 74.5% daripada jumlah urus niaga wang elektronik dari segi jumlah dan nilai. Sistem-sistem yang penting ini tidak mengalami sebarang gangguan besar pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada langkah pengawasannya, Bank terus menghendaki MEPS dan TnG memperkukuh lagi operasi mereka bagi memastikan kebolehpercayaan dan ketersediaan sistem pembayaran tanpa gangguan sejajar dengan amalan antarabangsa. Berikutan itu, MEPS telah pun melaksanakan beberapa penambahbaikan sistem untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya kepada pelanggan di samping memperkukuh infrastruktur pembayaran. Dengan siapnya pengaturan pemulihan bencana bagi sistem FPX dan Debit Terus, ia telah dapat mengurangkan dengan ketara Matlamat Masa Pemulihan (Recovery Time Objective, RTO) daripada lima hari kepada hanya empat jam. Susulan itu, tahap kesinambungan perniagaan yang lebih tinggi bagi sistem FPX dan Debit Terus telah dicapai lantas menjadikan kedua-dua sistem tersebut kini seiring dengan sistem IBG dan SAN. Di samping itu, dalam usaha untuk mengurangkan risiko operasi dalam perkhidmatannya, MEPS berjaya melaksanakan dua langkah pemulihan

bencana untuk sistem terasnya. TnG, yang merupakan satu-satunya pengeluar wang elektronik dan penyedia sistem pembayaran elektronik dalam sektor transit dan lebuh raya bertol turut mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi keteguhan sistemnya bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kecekapan operasinya.

Aktiviti pengawasan dan pemantauan Bank turut tertumpu pada instrumen pembayaran seperti wang elektronik dan kad pembayaran selain saluran pembayaran untuk mengekalkan keyakinan orang ramai dan menangani penipuan dalam sistem pembayaran runcit. Pada akhir tahun 2010, terdapat 20 pengeluar wang elektronik bukan bank yang diluluskan berbanding hanya enam pada tahun 2005. Wang elektronik digunakan terutamanya dalam sektor pengangkutan dan untuk pembelian barangan dan perkhidmatan secara dalam talian.

Pembayaran dalam talian yang makin popular dan juga kemajuan dalam teknologi mudah alih telah mendorong penyedia perkhidmatan pembayaran untuk memperkenalkan perkhidmatan pembayaran dalam talian yang inovatif dalam landskap pembayaran di Malaysia. Perkhidmatan pembayaran sedemikian yang ditawarkan oleh pengeluar wang elektronik berasaskan saluran mudah alih dan Internet, bukan sahaja memberikan kemudahan kepada pengguna untuk menjalankan urus niaga masa nyata dan merentas sempadan bahkan memudahkan aktiviti perdagangan secara maya melalui pelbagai platform rangkaian sosial. Meskipun masih pada peringkat awal, penggunaan wang elektronik untuk tujuan pembayaran barangan dan perkhidmatan maya melalui laman sosial kini berkembang pesat. Laman rangkaian sosial hari ini menawarkan pelbagai aplikasi maya termasuk saluran jualan dalam talian yang menjual kandungan maya selain permainan dalam talian. Dengan meningkatnya penggunaan wang elektronik di ruang maya, keperluan perlindungan yang mencukupi bagi mengatasi keadaan mudah terancam dan diserang oleh aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, turut meningkat. Memandangkan aktiviti maya dikendalikan tanpa sempadan geografi dan mungkin tidak dikawal selia, tumpuan khas perlu diberikan untuk melindungi kepentingan pengguna dalam menggunakan perkhidmatan pembayaran. Susulan perkembangan ini dan juga trend dan risiko yang baru muncul, Bank kini sedang mengkaji semula rangka kerja pengawalseliaan wang elektronik semasa. Tahap inovasi dalam perkhidmatan pembayaran yang ditawarkan oleh peserta bukan bank memerlukan pendekatan pengawalseliaan yang berbeza-beza oleh Bank, sesuai dengan ciri-ciri dinamik perniagaan dan pengaturan operasi para peserta.

Menguruskan risiko penipuan

Susulan perpindahan seluruh industri kepada cip Europay-Mastercard-Visa (EMV) pada tahun 2005, Malaysia telah berjaya mengurangkan dengan ketara kejadian dan kerugian ekoran penggunaan kad kredit palsu di negara ini daripada 97,285 kes yang bernilai RM63 juta pada tahun 2004 kepada 2,286 kes bernilai RM2.3 juta pada tahun 2010. Meskipun kejayaan perpindahan kepada EMV telah mengurangkan pemalsuan kad kredit di dalam negeri dengan ketara, penipuan melalui penggunaan kad kredit palsu merentas sempadan masih menjadi isu yang membimbangkan. Ini sebahagian besarnya berpunca daripada penggunaan EMV yang tidak konsisten di seluruh dunia lantas mengakibatkan penggunaan kad kredit palsu Malaysia di negara yang masih menggunakan teknologi jalur magnetik yang kurang selamat. Perbezaan dari segi masa dan kemajuan setiap negara dalam melaksanakan perpindahan kepada teknologi EMV telah sedikit sebanyak mengekang usaha untuk mengurangkan penipuan secara keseluruhan ekoran pemalsuan kad kredit, lebih-lebih lagi bagi urus niaga merentas sempadan. Pada masa yang sama, pengurangan yang ketara dalam pemalsuan kad kredit telah menukar trend penipuan kepada penipuan kad pembayaran dalam bentuk yang lain, yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan kad yang hilang dan

Rajah 4.4

Penipuan Kad Kredit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.5

Modus Operandi Penipuan Kad Kredit



Sumber: Bank Negara Malaysia

dicuri selain urus niaga yang tidak memerlukan kad secara fizikal (card-not-present, CNP), seperti pembelian yang dibuat melalui Internet atau pesanan melalui pos dan telefon.

Menyedari perkembangan ini, usaha kerjasama yang diambil oleh Bank dan peserta industri serta pihak berkepentingan telah diperhebat untuk menghindarkan kegiatan penipuan baharu sedemikian. Langkah ini telah berjaya mengurangkan jumlah kerugian yang dialami akibat penipuan kad kredit pada tahun 2010, terutamanya ekoran pengurangan yang nyata dalam kes penipuan CNP. Usaha yang diambil oleh industri kad untuk mengurangkan tahap penipuan menjadi lebih giat, meliputi program pendidikan peniaga di seluruh industri yang telah membantu mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam mengenai aktiviti penipuan dan menyokong pelaksanaan langkah pencegahan awal yang berkesan (termasuk langkah pemantauan dan pencegahan yang lebih proaktif) untuk membanteras penipuan. Pada Oktober 2010, kempen pendidikan di seluruh negara oleh Kumpulan Kad Kebangsaan (National Cards Group, NCG) dan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM) turut dilancarkan untuk mendidik pemegang kad dan menanam sikap menggunakan kad kredit secara bertanggungjawab dalam kalangan pengguna.

Bank turut mengambil langkah untuk memperkukuh keperluan pengawalseliaan bagi industri kad kredit berikutan fungsi kad kredit yang semakin penting sebagai instrumen pembayaran. Dalam hal ini, Bank telah menyiapkan semakan terhadap Garis Panduan Kad Kredit dengan tujuan mempertingkat ciri-ciri keselamatan dalam infrastruktur kad kredit, memperkukuh perlindungan untuk pengguna dan memperkenalkan keperluan pengurusan risiko khusus untuk mengurangkan risiko penipuan yang timbul.

Usaha kerjasama yang diambil oleh Bank dan peserta industri serta pihak berkepentingan telah diperhebat untuk menghindarkan kegiatan penipuan baharu

Meskipun urus niaga yang dilakukan melalui perbankan Internet telah meningkat dengan nyata, kes dan kerugian akibat penipuan perbankan Internet masih lagi kecil. *Phishing* atau kegiatan mencuri maklumat, terus menjadi ancaman utama kepada industri perbankan Internet, mencakupi 98% daripada kes penipuan perbankan Internet yang dilaporkan. *Phishing* melibatkan penghantaran e-mel atau khidmat pesanan ringkas (short message services, SMS) palsu untuk memujuk mangsa agar mendedahkan nombor pengenalan peribadi (personal identification number, PIN) dan kata laluan mereka. Pihak industri terus mengambil langkah-langkah perlu untuk meningkatkan kesedaran pengguna melalui media massa dan laman sesawang institusi perbankan mengenai taktik penipuan dan pentingnya menjaga kerahsiaan maklumat peribadi. Orang ramai dinasihati supaya melindungi maklumat peribadi mereka supaya tidak menjadi mangsa kepada penipuan SMS dan e-mel *phishing* yang meminta mereka mengemaskinikan profil bagi tujuan pengaktifan akaun. Bagi memperkukuh lagi keperluan pengawalseliaan untuk pengendalian perkhidmatan perbankan elektronik (e-perbankan) yang selamat oleh institusi kewangan, Bank telah mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Penyediaan Perkhidmatan Perbankan Elektronik oleh Institusi Kewangan pada Mac 2010 yang menjelaskan keperluan operasi minimum untuk perkhidmatan e-perbankan. Garis Panduan tersebut menggariskan prinsip am yang perlu diterima pakai oleh institusi kewangan apabila menawarkan perkhidmatan e-perbankan dan menetapkan keperluan minimum yang perlu dipatuhi bagi perkhidmatan e-perbankan selaras dengan tahap risiko berkaitan dengan perkhidmatan tersebut.

PERPINDAHAN SEKTOR KEPADA PEMBAYARAN ELEKTRONIK

Kerajaan terus memainkan peranan penting dalam menyokong agenda kebangsaan berkaitan dengan perpindahan kepada e-pembayaran pada peringkat negara. Setelah 97% daripada pembayaran Kerajaan berpindah kepada kaedah pembayaran elektronik, langkah sedang giat diambil untuk memindahkan pembayaran yang selebihnya kepada saluran elektronik pada tahun 2011. Pada masa yang sama, Kerajaan telah memulakan inisiatif untuk meningkatkan penggunaan e-pembayaran bagi urusan kutipan bayaran, termasuk kutipan bayaran bagi 281 perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan oleh 116 agensi Kerajaan. E-pembayaran yang dibuat kepada agensi Kerajaan melalui sistem FPX meningkat daripada 113,833 urus niaga berjumlah RM41.3 juta pada tahun 2009 kepada 187,958 urus niaga bernilai RM70.9 juta pada tahun 2010. Pembayaran melalui kad pembayaran adalah sebanyak 1.7 juta urus niaga dan berjumlah RM907.9 juta pada tahun 2010 berbanding dengan 1.9 juta urus niaga berjumlah RM787 juta pada tahun 2009. Platform baharu, *myGovXchange*, telah dilancarkan pada Julai 2010 dengan matlamat untuk menyediakan satu pusat akses mudah bagi warganegara dan masyarakat perniagaan Malaysia membuat penyerahan dan pembayaran secara elektronik kepada agensi Kerajaan.

Berlandaskan kejayaan inisiatif pembayaran saham dan dividen secara elektronik, rancangan untuk memperluas penggunaan e-pembayaran kepada bidang lain dalam pasaran modal telah pun dimulakan

Satu kumpulan perunding yang terdiri daripada institusi kewangan, ABM, MEPS dan Persatuan Bank-bank Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM), juga telah diwujudkan pada Ogos 2010 untuk mencari peluang dan kaedah bagi menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih luas. Antara inisiatif segera yang dikenal pasti oleh kumpulan tersebut untuk dilaksanakan oleh institusi yang mengambil bahagian termasuklah tidak lagi menggunakan cek bagi pembayaran dalam kalangan mereka dan menggalakkan pelanggan membuat pembayaran kad kredit dan pembayaran balik pinjaman melalui saluran elektronik. Bank juga bekerjasama dengan industri insurans untuk melaksanakan perpindahan bilangan cek yang banyak dikeluarkan setiap tahun untuk pembayaran premium insurans dan tuntutan/manfaat. Langkah ini akan dilengkapkan oleh usaha bersepadu untuk meningkatkan kesedaran pengguna dan peniaga tentang pilihan e-pembayaran selain mewujudkan 'tabiat dan pengalaman e-pembayaran'.

Untuk meningkatkan penembusan e-pembayaran dalam pasaran modal, inisiatif pembayaran saham dan dividen secara elektronik telah dilancarkan pada tahun 2010 lantas membolehkan pelabur menikmati kemudahan hasil jualan saham dan pendapatan dividen yang dikreditkan pada hari yang sama. Pelabur juga boleh membuat pembayaran kepada broker saham mereka melalui saluran elektronik bagi pembelian saham ataupun mereka boleh menggunakan kemudahan debit secara automatik yang lebih mudah dengan membenarkan bank mendebitkan terus akaun bank yang ditetapkan. Kesemua perkhidmatan ini ditawarkan secara percuma dan memansuhkan keperluan terhadap pelabur untuk mendepositkan dan mengambil cek. Kejayaan pelancaran kesemua inisiatif ini adalah hasil kerjasama Bank, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, MEPS, institusi perbankan dan firma broker saham. Sambutan terhadap inisiatif pembayaran saham dan dividen secara elektronik amat menggalakkan. Hingga kini, lebih satu pertiga daripada pemegang saham Depositori Sekuriti Pusat (Central Securities Depository, CSD) telah mendaftar untuk mendapatkan dividen secara elektronik sejak pendaftaran dibuka pada April 2010. Ini merupakan suatu perkembangan yang penting memandangkan prospek bagi pembayaran dividen sebanyak RM20 bilion hingga RM25 bilion setiap tahun boleh dibuat secara elektronik dan tidak lagi menggunakan cek.

Berlandaskan kejayaan inisiatif ini, rancangan untuk memperluas penggunaan e-pembayaran kepada bidang lain dalam pasaran modal telah pun dimulakan. Ini termasuk jualan dan pembelian unit amanah, langganan terbitan hak dan pemulangan permohonan Tawaran Awam Awal (Initial Public Offering, IPO) yang tidak berjaya melalui perkhidmatan langganan elektronik.

Menggalakkan perdagangan elektronik

Peningkatan penggunaan e-dagang telah dikenal pasti sebagai satu lagi strategi penting untuk merangsang penggunaan e-pembayaran. Untuk membina kepercayaan dan keyakinan pengguna untuk membuat urus niaga dalam talian melalui perniagaan elektronik (e-businesses), Bank mencadangkan idea penggunaan skim lambang kepercayaan kebangsaan (national trust mark scheme) untuk Malaysia yang bertujuan untuk mengakreditasi kebolehpercayaan e-perniagaan. Skim tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan pada November 2010 dan dijangka beroperasi pada tahun 2011. Di bawah skim ini, perniagaan dalam talian yang telah mendapat pensijilan daripada pengendali skim lambang kepercayaan yang dilantik boleh mempamerkan logo lambang kepercayaan di laman sesawang mereka bagi menandakan kepatuhan terhadap etika amalan ketat yang ditetapkan. Logo lambang kepercayaan ini akan membantu pengguna untuk mengenal pasti perniagaan dalam talian yang telah diberikan akreditasi sebagai entiti yang menjalankan amalan perniagaan yang adil, seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna terhadap pembelian dalam talian.

INTEGRASI SISTEM PEMBAYARAN SERANTAU

Usaha untuk menyepadukan sistem pembayaran serantau bagi menyediakan kemudahan kepada pengguna dan meningkatkan kecekapan pembayaran merentas sempadan bermula pada tahun 2003 apabila empat bank pusat dari Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand berbincang untuk menilai daya maju pewujudan pautan pembayaran runcit merentas sempadan dari aspek perniagaan dan teknikal. Pada tahun 2005, keempat-empat bank pusat tersebut menyokong rancangan oleh pengendali pensuisan rangkaian di keempat-empat negara untuk menghubungkan rangkaian perkongsian ATM masing-masing di bawah inisiatif Rangkaian Pembayaran Asia (Asian Payment Network, APN). Rangka kerja panduan yang umum telah dirumuskan oleh keempat-empat bank pusat tersebut bersama-sama dengan pengendali pensuisan rangkaian untuk mewujudkan satu set piawaian umum mengenai pembayaran merentas sempadan, dan untuk memperjelas aturan dan peraturan bank pusat mengenai pemindahan merentas sempadan. Sejak itu, keahlian APN telah bertambah, daripada empat negara, ia kini merangkumi Filipina, Korea Selatan dan Vietnam. Rangkaian SAN MEPS kini terhubung dengan rangkaian ATM di Indonesia, Thailand, Singapura dan Korea Selatan lantas membolehkan pemegang kad ATM bank-bank Malaysia yang mengambil bahagian untuk membuat pengeluaran wang tunai di 14,330 ATM di Indonesia, 470 ATM di Singapura, 139 ATM di Korea Selatan dan 12,146 ATM di Thailand. Hubungan MEPS dengan China UnionPay (CUP) yang terjalin sejak September 2007 juga membolehkan pemegang kad CUP dari Republik Rakyat China mengeluarkan wang tunai di Malaysia. Usaha untuk menghubungkan SAN MEPS dengan rangkaian di Filipina, Vietnam dan Bangladesh sedang dijalankan.

Bank bersama-sama dengan beberapa bank pusat di rantau ini telah membentuk Jawatankuasa Kerja Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian pada April 2010 untuk meningkatkan kerjasama dan pengharmonian serantau dalam bidang pembayaran untuk menyokong wawasan negara ASEAN bagi membentuk Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015

Meskipun fasa awal inisiatif APN adalah untuk menawarkan kemudahan kepada pemegang kad ATM untuk membuat pengeluaran wang tunai merentas sempadan di ATM bank-bank yang mengambil bahagian di negara ahli, rancangan seterusnya termasuk usaha untuk memanfaatkan rangkaian ATM yang saling terhubung bagi membolehkan pemindahan dana dan pembayaran merentas sempadan di rantau ini. Penyediaan kesemua perkhidmatan tersebut merupakan langkah ke hadapan yang positif dalam mengurangkan penggunaan wang tunai di negara-negara ahli di samping meningkatkan kecekapan pembayaran di rantau Asia.

Inisiatif APN hanyalah salah satu daripada beberapa inisiatif kerjasama pembayaran

serantau. Bank bersama-sama dengan beberapa bank pusat di rantau ini telah membentuk Jawatankuasa Kerja Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian pada April 2010 untuk meningkatkan kerjasama dan pengharmonian serantau dalam bidang pembayaran untuk menyokong wawasan negara ASEAN bagi membentuk Komuniti Ekonomi ASEAN pada tahun 2015. Pembentukan pasaran dan pusat pengeluaran tunggal dengan aliran tanpa had bagi barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga kerja mahir, serta aliran modal yang lebih bebas, akan banyak bergantung pada ketersediaan mekanisme pembayaran merentas sempadan yang lebih berkesan bagi urus niaga penyelesaian perdagangan, pembelian runcit, kiriman wang dan pasaran modal. Inisiatif ini seterusnya perlu disokong oleh kos yang lebih rendah dan tahap kecekapan yang lebih baik dalam infrastruktur pembayaran merentas sempadan di rantau ini sejajar dengan perkembangan pesat perdagangan dalam rantau ini.